Balai Seni Negara
National Art Gallery

KENYATAAN MEDIA

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (47)

LPSVN SAMBUT BAIK INISIATIF UMK JALIN KERJASAMA MELALUI PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) menyambut baik inisiatif Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menjalin kerjasama melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi.

Majlis pemeteraian MoU ini berlangsung pada 27 Oktober 2026 di Auditorium, Balai Seni Negara. Kerjasama ini membuka ruang kepada kedua-dua institusi untuk meneroka potensi kerjasama berdasarkan bidang kepakaran dan peranan masing-masing, khususnya dalam bidang seni visual, pendidikan serta perkongsian ilmu dan kepakaran.

Dokumen MoU tersebut ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Naib Canselor UMK, dan YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN. Pemeteraian MoU berkenaan disaksikan oleh YBrs. Prof. Dr. Huzili bin Hussin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, dan YBrs. Encik Alizam bin Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPSVN.

Turut hadir ialah YBrs. Puan Rohana binti Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPSVN, YBrs. Prof. Madya Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid, Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan UMK serta barisan pensyarah dan pegawai kanan LPSVN.

LPSVN mengalu-alukan inisiatif UMK ini sebagai peluang untuk kedua-dua institusi mengenal pasti bentuk kerjasama yang bersesuaian dengan kepakaran masing-masing. MoU ini diharap dapat menjadi asas kepada hubungan kerjasama yang berterusan serta membuka peluang kepada pelaksanaan aktiviti bersama yang memberikan manfaat kepada kedua-dua institusi dan bidang seni visual negara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA
27 OKTOBER 2026